

**PERBANDINGAN CORAK KESEPADUAN PASUKAN BOLA TAMPAR
LELAKI DAN WANITA PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH DAERAH
LARUT MATANG DAN SELAMA**

Atchmmahdevi A/P Moorthy*, Shaharudin Abd. Aziz, and Gunathevan Elumalai

Fakulti Sains Sukan & Kejurulatihan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia

*Email: devi_20gurl@yahoo.com

(Received 23 January 2017; accepted 20 May 2017; published online 27 July 2017)

To cite this article: Moorthy, A., Shaharudin, A. A., & Elumalai, G. (2017). Perbandingan corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki dan wanita peringkat Sekolah Menengah daerah Larut Matang dan Selama. *Movement, Health & Exercise, 6(2), 121-134.*

<http://dx.doi.org/10.15282/mohe.v6i2.138>

Link to this article: <http://dx.doi.org/10.15282/mohe.v6i2.138>

Abstract

The purpose of this study is to examine the team cohesion pattern between male and female secondary school volleyball team from Larut Matang and Selama districts. A total of 192 volleyball players (96 men and 96 women) were selected as respondents. This study is a quantitative survey which adopted the Group Environment Questionnaire (GEQ: Carron, Widmeyer, & Brawley, 1985) which contains 18 items and four cohesion dimensions. It was employed to identify the team cohesion pattern of the aforementioned teams in the quarter and semi-final stage. The data obtained were analysed using descriptive and independent sample t test. The results demonstrated that the team with a higher team cohesion pattern won the quarter-finals and the semi-finals as compared to losing teams. The findings further indicate that there are significant differences in the winning team in the quarter-finals. However, there was no significant difference in the men and women team who lost or won in the semi-finals. This suggests that teams that do not exhibit strong team cohesion amongst the team members, were found to lose the matches played and demonstrated inconsistency in their performance. The present study reveals that team integrity cohesion is a non-trivial element in team sports and the coach should emphasise on team cohesion before, during and after the match to form a better performing team in future competitions.

Kata Kunci: Team cohesion, team sports, survey

Abstrak

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji perbandingan corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki dan wanita peringkat sekolah menengah daerah Larut Matang dan Selama. Seramai 192 orang pemain bola tampar (96 lelaki dan 96 wanita) dipilih secara bertujuan sebagai responden. Kajian ini berbentuk tinjauan kuantitatif dan instrumen kajian yang digunakan untuk mengenalpasti corak kesepaduan adalah *Group Environment Questionnaire* (GEQ: Carron, Widmeyer, & Brawley, 1985) yang mengandungi 18 item dan empat dimensi kesepaduan. Instrumen ini mengkaji corak kesepaduan pemain bola tampar lelaki dan wanita di peringkat suku akhir dan separuh akhir daerah Larut Matang Dan Selama. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan ujian diskriptif dan ujian-t sampel tidak bersandar. Hasil kajian menunjukkan kesepaduan paling tinggi dalam kalangan pasukan yang menang di peringkat suku akhir dan separuh akhir berbanding dengan pasukan yang kalah. Dapatan menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan pasukan yang menang di peringkat suku akhir. Namun tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam kalangan pasukan lelaki dan wanita yang kalah dan menang di peringkat separuh akhir. Ini bermakna pasukan yang mempunyai perhubungan dan toleransi yang erat terhadap ahli pasukan mempunyai tahap kesepaduan yang tinggi. Oleh itu, pasukan tidak mempunyai minat terhadap ahli pasukan menyebabkan kesepaduan rendah serta pencapaian mereka tidak konsisten. Penyelidik menegaskan bahawa kesepaduan pasukan merupakan salah satu faktor yang penting dan jurulatih harus memberi penekanan terhadap kesepaduan pasukan sebelum, semasa, dan selepas perlawanan bagi membentuk satu pasukan yang berprestasi tinggi pada masa akan datang.

Kata Kunci: Kesepaduan pasukan, sukan berpasukan, tinjauan

Pendahuluan

Kesepaduan diberi tanggapan sebagai dinamik kumpulan yang meningkatkan potensi yang lebih baik dari segi individu, pasukan, dan organisasi (Wendt, Ewema, & Emmerik, 2009). Carron (2002), mengatakan bahawa kesepaduan pasukan merupakan proses yang dinamik yang dijelmakan menerusi kecenderungan sesuatu kumpulan untuk bersatu dan bersama mencapai objektif kumpulan tersebut. Kesepaduan pasukan dalam sukan sebenarnya diasaskan oleh kewujudan semangat berpasukan dan rasa kewujudan semangat berpasukan dan rasa sepunya untuk mencapai sesuatu matlamat yang dikongsi bersama (Carron et al., 2002). Secara teorinya pasukan yang menunjukkan kesepaduan yang tinggi akan memperoleh kejayaan (Subramanyam, 2013).

Terdapat dua dimensi kesepaduan iaitu kesepaduan tugas dan kesepaduan sosial (Carron et al., 2002). Kesepaduan tugas adalah tahap di mana ahli kumpulan bersama-sama berkerja untuk menyelesaikan masalah atau menyempurnakan sesuatu tugas yang spesifik. Kesepaduan sosial merujuk kepada tahap hubungan interpersonal

dalam kalangan ahli kumpulan. Dalam konteks sukan pula, pemain akan terikat dengan kesepaduan sosial kerana masing-masing terikat dengan kontrak (kesepaduan sosial) untuk mewakili pasukan tersebut. Koleksi daripada dua atau lebih individu yang mempunyai identiti biasa, mempunyai matlamat dan objektif yang sama, berkongsi nasib yang sama, mempamerkan corak interaksi dan kaedah komunikasi yang berstruktur, memegang persepsi umum tentang struktur kumpulan, bahawa peribadi dan instrumental adalah saling bergantung, membalas tarikan interpersonal, dan menganggap diri mereka sebagai satu kumpulan (Kozub & McDonnell, 2000).

Pasukan adalah sekumpulan orang yang mempunyai bakat yang berlainan tetapi mempunyai nilai bekerjasama yang kukuh (Senecal, 2008). Pasukan merupakan elemen penting dalam memenuhi keperluan individu pemain sekaligus menyemarakkan semangat berpasukan, meningkatkan hubungan sesama pemain, kesetiaan terhadap pasukan, menghormati jurulatih serta meningkatkan pencapaian pasukan (Halbrook, 2012).

Subramanyam (2013), menyatakan bahawa atlet yang sering menghabiskan masa bersama-sama dan mereka berkongsi minat yang sama dikenali sebagai kesepaduan sosial manakala kesepaduan tugas dapat diklasifikasikan di mana pemain bersatu untuk mencapai satu tugas yang tertentu. Richard (2007), menjelaskan bahawa kesepaduan tugas adalah sejauh mana ahli-ahli pasukan yang bekerjasama untuk mencapai matlamat tertentu dan yang boleh dikenalpasti. Manakala kesepaduan sosial adalah merujuk kepada sejauh mana ahli-ahli pasukan antara satu sama lain menikmati kepuasan peribadi untuk menjadi rakan dalam satu pasukan.

Mohammad Fauzee (2008), menjelaskan kesepaduan pasukan adalah merujuk kepada kecenderungan ahli-ahli di dalam sesebuah pasukan atau organisasi bersatu padu untuk mencapai sesuatu matlamat. Shahrudin (2001), menyatakan pasukan adalah satu kumpulan, bagaimanapun tidak semua kumpulan yang mempunyai matlamat yang sama boleh dikategorikan sebagai satu pasukan. Menurut Carron et al. (2002), pasukan merupakan kumpulan individu yang mempunyai identiti yang sama, berkongsi matlamat dan objektif yang sama, berkongsi nasib, mempunyai corak interaksi dan komunikasi yang tersendiri, memerlukan satu sama lain dan menganggap diri mereka sebagai kumpulan.

Menurut Johnson dan Johnson (1994), tahap pembentukan sebuah pasukan yang mantap para pemain boleh dicapai melalui satu proses evolusi pembentukan pasukan yang terdiri daripada beberapa fasa iaitu pembentukan, pertelagahan, pembentukan norma dan prestasi. Ciri-ciri utama dalam fasa pembentukan adalah percubaan untuk mengenali serta membiasakan diri dengan ahli pasukan yang lain, membuat perbandingan sosial khususnya dari segi kemampuan dan kebolehan, menilai kekuatan dan kelemahan masing-masing (Shahrudin, 2001). Dalam fasa pertelagahan, fasa ini selalu dipenuhi dengan pertelagahan serta persaingan dalam kalangan pemain kerana wujudnya polarasi, konflik serta tentangan antara pemain dengan pemain serta pemain dengan pihak pengurusan atau jurulatih. Seterusnya, fasa pembentukan norma berperanan penting kerana pada fasa inilah konsep kesepaduan serta identiti pasukan mula terbentuk dalam kalangan pemain.

Dalam fasa prestasi, pemain sudah bersedia sebagai satu pasukan untuk mencapai matlamat yang disasarkan. Untuk mencapai tahap ini, jurulatih perlu mewujudkan suasana bekerjasama dalam kalangan pemain serta mengelakkan persaingan negatif dalam pasukan. Apabila pasukan itu memahami proses yang dilalui untuk pembentukan satu pasukan yang mantap, barulah jurulatih atau pengurus dapat melakar strategi yang berkesan untuk memastikan keharmonian dalam pasukan.

Bola tampar adalah suatu pasukan sukan yang mempunyai bilangan atlet yang kecil dan saling bergantung antara satu sama lain. Subramanyam et al. (2013), permainan ini adalah salah satu acara sukan yang dipertandingkan oleh pasukan sekolah di bawah kelolaan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM). Bola tampar merupakan sukan yang memerlukan dua belas pemain untuk membentuk satu pasukan dalam sesuatu pertandingan dan hanya enam pemain dibenarkan beraksi di gelanggang. Susunan posisi pemain bola tampar dalam gelanggang adalah mengikut strategi sesebuah pasukan. Setiap pemain perlu menguasai kemahiran-kemahiran asas yang terdapat dalam permainan bola tampar iaitu menyangga, servis, mengumpan, merejam dan menghadang (Meng Lee You, 2011).

Asgedom (2015), mengkaji hubungan antara kesepaduan pasukan, kebimbangan dan keyakinan diri untuk mencapai matlamat di kalangan pemain bola keranjang. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan tiga inventori untuk menentukan hubungan di antara aspek-aspek yang dinyatakan. Seramai 60 orang pemain bola keranjang termasuk lelaki dan wanita dipilih sebagai sampel kajian. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik kesepaduan pasukan (GEQ: Carron, Widmeyer dan Brawley 1985) dan soal selidik kebimbangan (CSAI-2p: Serba and Santos, 1991). Terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kebimbangan kognitif dengan persepsi kesepaduan di kalangan pemain wanita bola keranjang.

Raffi (2015), membuat ramalan awal tentang kesan kesepaduan terhadap pasukan bola keranjang. Seramai 115 orang pemain bola keranjang dipilih secara rawak sebagai responden dalam kajian Raffi (2015). Dalam kajian ini penyelidik menggunakan soal selidik aktiviti fizikal (PAR-Q), soal selidik ramalan efektif (AFC: Gilbert & Elbert, 2002) dan soal selidik kesepaduan pasukan (GEQ: Carron, Widmeyer dan Brawley 1985). Dapatan kajian ini mencadangkan bahawa kesepaduan dalam pasukan memberi laluan kepada kejayaan pasukan dengan lebih efektif.

Bullard (2014), mengkaji hubungan di antara penetapan matlamat dengan kesepaduan pasukan, motivasi intrinsik dan orientasi penetapan matlamat di kalangan atlet wanita. Seramai 76 orang pemain wanita termasuk pasukan hoki, pasukan bola keranjang, pasukan bola tampar dan sebagainya. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan soal selidik kesepaduan pasukan (GEQ: Brawly, Carron, & Widmeyer, 1987), soal selidik motivasi sukan (SMS: Palletier, Fortier, Vellerand, Tuson, Briere, & Blais, 1995) dan soal selidik orientasi ego (TESQ: Duda, 1989). Daripada dapatan kajian, penyelidik menyatakan bahawa terdapat kesinambungan di antara ketiga-tiga aspek tetapi dimensi kesepaduan diberi keutamaan oleh pemain wanita.

Teymori (2014), menyatakan terdapat hubungan signifikan yang positif antara kesepaduan dengan kebimbangan di kalangan atlet pasukan permainan. Sampel yang dipilih untuk kajian ini dalam lingkungan 250 atlet sukan termasuk lelaki dan wanita. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan soal selidik kesepaduan pasukan (GEQ: Carron, 1995) dan soal selidik kebimbangan (SCAT: Martens, Vealey, Burton, 1990). Penyelidik kajian ini telah menyatakan kesepaduan dalam pasukan dan kebimbangan atlet sukan adalah penting untuk meningkatkan prestasi atlet.

Ghasemi (2014), menggunakan soal selidik kesepaduan pasukan (GEQ: Carron, Widmeyer dan Brawley 1985) dan *Self- presentation in questionnaire* (McGowan, 2008). Dapatan daripada hasil kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang tidak signifikan antara pengenalan diri dan kesepaduan pasukan. Pengenalan diri dalam kajian ini merupakan pengenalan diri pemain dari segi keinginan, kelemahan, kelebihan, kesukaan, dan keminatan dalam sukan berpasukan.

Subramanyam (2013), menjalankan kajian berkaitan kesepaduan pasukan antara pasukan bola tampar belia negara dan pasukan junior. Sampel kajian terdiri daripada 16 orang belia dan 19 orang pemain bola tampar junior. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan soal selidik kesepaduan pasukan (GEQ: Carron, Widmeyer dan Brawley 1985). Secara keseluruhannya mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara pemain bola tampar belia dan pemain junior.

Reys (2013), menjalankan kajian tentang peranan individu dan faktor pasukan di kalangan pemain polo air wanita. Seramai 113 orang pemain wanita telah dipilih untuk menyokong tujuan kajian ini. Soal selidik inventori peribadi (PSI: Lounsbury & Gibson, 2008), soal selidik kesepaduan pasukan (GEQ: Carron, Widmeyer, and Brawley 1985) dan soal selidik kepuasan atlet (ASQ: Riemer & Chelladurai, 1998) telah digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Kajian ini telah merumuskan bahawa implikasi yang dapat dalam kajian boleh dijadikan sebagai rujukan oleh jurulatih pasukan permainan bagi melatih pasukan atlet yang berjaya.

Tujuan utama kajian ini adalah untuk melihat perbandingan corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki dan wanita daerah Larut Matang dan Selama. Kesepaduan dalam kumpulan merupakan proses dinamik untuk bersatu dan mencapai matlamat kumpulan tersebut (Carron et al., 2002).

Metodologi

Kajian ini berbentuk tinjauan. Menurut Shaharudin (2006), penyelidikan berbentuk tinjauan ini bermatlamat untuk menerangkan fenomena yang sedang berlaku dengan jelas. Penyelidik menjalani kajian dengan menggunakan borang soal selidik *Group Environment Questionnaire* (GEQ: Carron, Widmeyer, & Brawley, 1985) sebagai alat pengukur utama dalam kaedah pengumpulan data. Reka bentuk tinjauan dianggap sangat sesuai kerana boleh memberi satu gambaran yang menyeluruh tentang kesepaduan dalam pasukan pemain bola tampar daerah Larut Matang dan Selama.

Jumlah pemain pasukan bola tampar yang dikategorikan sebagai sampel adalah seramai 192 orang (96 pemain lelaki, 96 pemain wanita). Pasukan bola tampar harus memasuki pertandingan dengan adanya 12 orang pemain. Pemain simpanan dan pemain pertandingan telah diberi soal selidik selepas perlawanan berlangsung. Soalan yang dibina adalah berteraskan model soal selidik *Group Environment Questionnaire* (GEQ: Carron, Widmeyer, dan Brawley, 1985) yang telah di alih bahasa Melayu dengan kaedah *Back To Back Translation*. Soal selidik ini terdiri daripada 18 item (6 item positif, 12 item negatif) yang mengukur kesepaduan kumpulan dan mempunyai kebolehpercayaan $r = .72$ (Ronayne, 2004). Tahap kebolehpercayaan instrumen telah ditentukan dengan mengenalpasti nilai efisien kebolehpercayaan Alpha (nilai *Cronbach Alpha*). Nilai yang menghampiri 1 menunjukkan bahawa terdapat kebolehpercayaan yang sederhana tinggi iaitu $r = .775$.

GEQ adalah instrumen terbaik bagi mengukur dan memberikan gambaran lengkap tentang kesepaduan kumpulan (Teymori, 2014). Menurut Carron et al. (1985), GEQ mengukur empat dimensi kesepaduan pasukan iaitu tarikan individu dan tugas (individu tertarik kepada pasukan untuk memenuhi keperluan menyelesaikan tugas), tarikan individu dan sosial (individu tertarik kepada pasukan untuk memenuhi keperluan sosial), integrasi kumpulan dan tugas (individu bersatu sebagai satu pasukan untuk memenuhi keperluan menyelesaikan tugas) dan integrasi kumpulan dan sosial (individu bersatu sebagai satu pasukan untuk memenuhi keperluan sosial). Instrumen GEQ yang digunakan telah diubahsuai mengikut aras pemain pasukan bola tampar di peringkat sekolah menengah.

Dapatan kajian

Data kajian yang diperolehi mengikut item soalan dapat dianalisis dengan menggunakan ujian diskriptif yang terdiri daripada min, sisian piawai dan analisis inferensi ujian-t sampel tidak bersandar. Ujian-t sampel tidak bersandar digunakan dalam kajian ini untuk membandingkan skor min bagi dua kumpulan pemain yang berlainan jantina dan peringkat perlawanan. Nilai p ditetapkan pada aras $p = 0.05$ mengikut Cohen (2004).

Dapatan kajian bagi empat faktor kesepaduan dalam sukan berpasukan menunjukkan corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki yang menang dalam peringkat suku akhir. Bagi pasukan bola tampar kategori lelaki yang dapat memenangi pada peringkat suku akhir adalah seperti berikut. Faktor integrasi kumpulan dan tugas paling tinggi ($M = 32.04$, $SP = 3.96$), berbanding faktor-faktor lain iaitu integrasi kumpulan dan sosial ($M = 21.92$, $SP = 3.26$), tarikan individu dan sosial ($M = 19.75$, $SP = 4.35$), dan tarikan individu dan tugas ($M = 15.83$, $SP = 3.47$).

Bagi pasukan bola tampar kategori lelaki yang kalah mendapat faktor integrasi kumpulan dan tugas yang paling tinggi ($M = 30.90$, $SP = 4.32$), berbanding faktor-faktor lain iaitu tarikan individu dan sosial ($M = 19.45$, $SP = 4.66$), tarikan individu dan tugas ($M = 15.43$, $SP = 4.66$) dan integrasi kumpulan dan sosial ($M = 19.83$, $SP = 3.97$). Apabila dibandingkan pasukan menang mempunyai pencapaian yang tinggi dari segi faktor integrasi kumpulan dan tugas dengan pasukan yang gagal.

Corak kesepaduan bagi pasukan bola tampar wanita yang menang di peringkat suku akhir menunjukkan faktor integrasi kumpulan dan tugas paling tinggi ($M = 32.04$, $SP = 3.96$), berbanding faktor-faktor lain iaitu tarikan individu dan sosial ($M = 19.75$, $SP = 4.35$), tarikan individu dan tugas ($M = 15.83$, $SP = 3.47$) dan integrasi kumpulan dan sosial ($M = 21.92$, $SP = 3.26$). Manakala, pasukan bola tampar wanita yang kalah pada peringkat suku akhir menunjukkan faktor yang tertinggi dalam integrasi kumpulan dan tugas ($M = 31.89$, $SP = 3.76$), berbanding faktor-faktor lain iaitu tarikan individu dan sosial ($M = 20.17$, $SP = 3.99$), tarikan individu dan tugas ($M = 17.86$, $SP = 2.71$) dan integrasi kumpulan dan sosial ($M = 20.88$, $SP = 3.11$).

Corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki yang menang di peringkat separuh akhir menunjukkan faktor integrasi kumpulan dan sosial paling tinggi ($M = 27.14$, $SP = 4.21$) berbanding faktor-faktor lain iaitu tarikan individu dan sosial ($M = 19.13$, $SP = 3.93$), tarikan individu dan tugas ($M = 18.61$, $SP = 3.64$) dan integrasi kumpulan dan tugas ($M = 26.67$, $SP = 4.19$). Manakala corak kesepaduan pasukan bola tampar yang kalah pada peringkat separuh akhir menunjukkan dapatan yang berbeza berbanding dengan pasukan bola tampar lelaki yang menang. Faktor yang mempengaruhi perbezaan ini adalah tarikan individu dan tugas ($M = 24.43$, $SP = 4.34$), berbanding faktor-faktor lain iaitu tarikan individu dan sosial ($M = 20.03$, $SP = 4.16$), integrasi kumpulan dan tugas ($M = 23.89$, $SP = 4.76$) dan integrasi kumpulan dan sosial ($M = 20.98$, $SP = 4.27$).

Bagi pasukan bola tampar wanita yang menang pada peringkat separuh akhir menunjukkan faktor kesepaduan tarikan individu dan sosial paling tinggi ($M = 25.14$, $SP = 4.06$), berbanding dengan faktor-faktor lain iaitu tarikan individu dan tugas ($M = 18.79$, $SP = 2.75$), integrasi kumpulan dan tugas ($M = 23.01$, $SP = 4.29$) dan integrasi kumpulan dan sosial ($M = 23.87$, $SP = 3.95$). Pasukan bola tampar wanita yang kalah pada peringkat separuh akhir menunjukkan faktor yang tertinggi dalam tarikan individu dan tugas ($M = 25.04$, $SP = 3.19$), berbanding faktor lain iaitu tarikan individu dan sosial ($M = 21.56$, $SP = 3.99$), integrasi kumpulan dan tugas ($M = 24.89$, $SP = 4.31$) dan integrasi kumpulan dan sosial ($M = 19.77$, $SP = 2.54$). Faktor integrasi kumpulan dan sosial yang rendah mungkin merangsang pasukan kalah di peringkat separuh akhir berbanding dengan pasukan menang.

Hasil daripada analisis ujian-t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan kesepaduan dengan pencapaian min skor antara pasukan berjaya dan pasukan gagal. Nilai $t(94) = 4.32$, $p = .000$; ($p < 0.05$) adalah signifikan. Keputusan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pasukan berjaya ($M = 89.54$, $SD = 3.53$), dengan pasukan gagal ($M = 85.62$, $SD = 5.19$). Ini menyatakan wujud perbezaan yang nyata. Perbezaan yang signifikan dari segi kesepaduan berdasarkan pencapaian dalam kalangan pasukan bola tampar wanita di peringkat suku akhir menunjukkan nilai $t(94) = -2.15$, $p = .034$; ($p < 0.05$) adalah signifikan. Analisis inferensi ujian-t sampel tidak bersandar digunakan untuk membandingkan kesepaduan berdasarkan pencapaian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pasukan menang ($M = 89.90$, $SD = 3.33$), dengan pasukan gagal ($M = 91.42$, $SD = 3.60$).

Jadual 1: Skor diskriptif Ujian-T pasukan bola tampar lelaki menang dan kalah di peringkat suku akhir.

	Pasukan	N	Mean	Std Deviation
Skor ujian t	Menang	48	9.54	3.53
Pasukan Lelaki	Kalah	48	85.62	5.19
Skor ujian t	Menang	48	89.90	3.33
Pasukan Wanita	Kalah	48	91.42	3.60

Jadual 2: Ujian-T tidak bersandar pasukan bola tampar lelaki menang dan kalah di peringkat suku akhir.

		<i>Levene's Test For Equality of Variances</i>		<i>t-test for Equality of means</i>		
		f	Sig.	t	df	Sig. (2- tailed)
Kesepaduan Pasukan Lelaki	<i>Equal Variance assumed</i>	5.58	.020	4.32	94	.000
	<i>Equal variances not assumed</i>			4.32	82.84	.000
Kesepaduan Pasukan Wanita	<i>Equal Variance assumed</i>	.18	.673	-2.15	94	.034
	<i>Equal variances not assumed</i>			-2.15	93.46	.034

Analisis ujian-t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan kesepaduan dengan pencapaian min skor antara pasukan berjaya dan pasukan gagal. Dapatan kajian menunjukkan nilai $t(46) = 0.964$, $p = .340$; ($p > 0.05$) adalah tidak signifikan. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan signifikan di antara pasukan menang ($M = 94.88$, $SD = 4.30$), dengan pasukan gagal ($M = 93.54$, $SD = 5.24$). Data analisis ujian-t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan kesepaduan dengan pencapaian min skor antara pasukan berjaya dan pasukan gagal. Hasil kajian menunjukkan nilai $t(46) = .033$, $p = .973$; ($p > 0.05$) adalah tidak signifikan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan skor min yang signifikan di antara pasukan menang ($M = 87.00$, $SD = 3.77$), dengan pasukan gagal ($M = 86.96$, $SD = 4.50$).

Jadual 3: Skor diskriptif Ujian-T pasukan bola tampar lelaki menang dan kalah di peringkat separuh akhir.

	Pasukan	N	Mean	Std Deviation
Skor ujian t Pasukan Lelaki	Menang	24	94.88	4.30
	Kalah	24	93.54	5.24
Skor ujian t Pasukan Wanita	Menang	24	87.00	3.77
	Kalah	24	86.96	4.50

Jadual 4: Ujian-T tidak bersandar pasukan bola tampar lelaki menang dan kalah di peringkat separuh akhir.

		<i>Levene's Test For Equality of Variances</i>		<i>t-test for Equality of means</i>		
		f	Sig	t	df	Sig. (2- tailed)
Kesepaduan Pasukan	<i>Equal Variance assumed</i>	.848	.362	.848	46	.340
Lelaki	<i>Equal variances not assumed</i>			.362	44.3	.340
Kesepaduan Pasukan	<i>Equal Variance assumed</i>	.964	.331	.033	46	.973
Wanita	<i>Equal variances not assumed</i>			.033	43.6	.973

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam corak kesepaduan pemain pasukan bola tampar lelaki dan wanita yang menang dan kalah di peringkat suku akhir dan separuh akhir. Kesepaduan merupakan elemen yang penting kepada sesuatu pasukan untuk menerapkan semangat berpasukan dalam kalangan pemain. Manakala ia tidak menunjukkan perbezaan corak kesepaduan yang ketara antara pemain yang berlainan jantina. Pasukan lelaki yang menang di suku akhir dan separuh akhir mempunyai kesepaduan yang tinggi berbanding dengan pasukan kalah. Walaubagaimanapun, pasukan wanita yang kalah di suku akhir mempunyai kesepaduan yang tinggi berbanding dengan pasukan menang.

Perbincangan

Hasil kajian yang telah dianalisis berbentuk deskriptif bagi persoalan kajian pertama iaitu corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki yang menang dan kalah dalam peringkat suku akhir. Dapatan menunjukkan bahawa pasukan bola tampar lelaki yang menang mempunyai kesepaduan pasukan yang paling tinggi berbanding pasukan bola tampar lelaki yang kalah. Dapatan ini turut disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Verma (2012), yang mengkaji kesepaduan pemain bola tampar elit lelaki berketurunan India. Hasil kajiannya telah mendapati faktor integrasi kumpulan dan tugas adalah faktor yang berkait rapat dengan keakraban dalam pasukan untuk menjadi pasukan yang berprestasi tinggi.

Perbincangan kedua ini merujuk corak kesepaduan pasukan bola tampar wanita yang berjaya dan yang gagal di suku akhir. Kesepaduan pasukan bola tampar wanita yang menang dalam peringkat suku akhir menunjukkan kesepaduan yang paling tinggi berbanding pasukan bola tampar yang kalah. Faktor integrasi kumpulan dan tugas membolehkan pasukan bola tampar yang menang mempunyai kesepaduan pasukan yang paling tinggi. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Lindsey et al. (2012), situasi wujud dalam kajiannya iaitu terdapat hubungan signifikan yang positif antara persepsi integrasi kumpulan dan tugas dengan kesepaduan pasukan. Tambahan pula, Verma et al. (2012) dalam kajiannya membuktikan bahawa kesepaduan pasukan di kalangan pemain berprestasi tinggi adalah lebih tinggi jika berbanding dengan pemain berprestasi rendah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bola tampar lelaki yang menang mempunyai kesepaduan pasukan paling tinggi berbanding dengan pasukan bola tampar yang kalah. Kesepaduan pasukan paling tinggi diperolehi oleh pasukan bola tampar lelaki yang menang disebabkan oleh faktor integrasi kumpulan dan sosial berbanding dengan faktor lain iaitu tarikan individu dan sosial, tarikan individu dan tugas dan integrasi kumpulan dan tugas. Berdasarkan Whaley (2001), situasi ini wujud dalam kajiannya yang menunjukkan dapatan yang sama. Hasil kajian menunjukkan bahawa integrasi kumpulan dan sosial adalah paling tinggi bagi pasukan bola keranjang peringkat sekolah menengah.

Manakala corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki yang kalah pada peringkat separuh akhir menunjukkan dapatan berbeza berbanding dengan pasukan bola tampar lelaki yang menang. Dapatan menunjukkan bahawa kesepaduan pasukan kalah paling tinggi dalam faktor tarikan individu dan tugas berbanding faktor lain. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Vincer dan Loughhead (2010), di mana tarikan individu dan tugas adalah faktor yang berkait dengan tingkah laku kepimpinan atlet dan yang paling dominan berbanding faktor lain.

Dapatan menunjukkan pasukan bola tampar wanita yang menang pada peringkat separuh akhir paling tinggi berbanding dengan pasukan bola tampar wanita yang gagal. Perbezaan hanya dapat dilihat melalui nilai min yang terhasil daripada analisis diskriptif. Faktor yang menyebabkan pasukan bola tampar wanita menang mempunyai kesepaduan yang tinggi disebabkan faktor tarikan individu dan sosial berbanding dengan faktor lain. Dapatan kajian ini selaras dengan dapatan kajian Meghan et al. (2012), menyatakan bahawa terdapat hubungan signifikan yang positif antara persepsi kesepaduan tarikan individu dan sosial dalam kalangan atlet berpasukan yang berlainan jantina. Hasil dapatan kajian beliau menjelaskan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kedua-dua pasukan yang dikajinya.

Tambahan pula, menurut Carron (2002), salah satu daripada empat faktor kesepaduan dapat merangsang pemain untuk bermain bersama dengan pasukannya. Bagaimanapun, kesannya akan lebih kuat jika keempat-empat faktor ini bertindak merangsang pemain dalam pasukan tersebut. Menerusi hasil dapatan kajian yang diperolehi terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesepaduan berdasarkan pencapaian dalam kalangan bola tampar lelaki di peringkat suku akhir. Dapatan ini selaras dengan kajian Corey et al. (2001), di mana terdapat perbezaan yang signifikan di antara pasukan menang dan pasukan kalah dari segi aspek kesepaduan. Disebabkan kesepaduan yang tinggi dalam kalangan pemain pasukan menang menyumbangkan pencapaian yang tinggi berbanding dengan pasukan kalah. Hal ini disebabkan pasukan menang menetapkan objektif perlawanan bersama sebelum, semasa, dan selepas perlawanan (Senecal, 2008). Bagi pasukan yang kalah pula pasukan ini dapat dikalahkan oleh pasukan menang disebabkan kesepaduan dalam kalangan pemain berkurangan. Dapatan ini selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Verma (2012), di mana kesepaduan dalam pasukan dalam kalangan pemain berprestasi tinggi adalah lebih tinggi berbanding dengan pasukan berprestasi rendah.

Walaupun bagaimanapun, pasukan kalah terpaksa menerima kekalahan ini disebabkan oleh beberapa faktor di luar kawalan mereka. Di antaranya adalah persaingan yang sengit dan pasukan lawan mempunyai pemain yang berprestasi tinggi dan mahir. Berdasarkan

model dimensi kesepaduan Carron (2004), jika keempat-empat dimensi ditunjukkan oleh pemain dalam sesuatu pasukan, maka pasukan tersebut mempunyai kesepaduan yang tinggi. Ini yang terdapat dalam kalangan pasukan wanita yang menang mempunyai kesepaduan yang tinggi berbanding pasukan wanita yang kalah.

Berdasarkan dapatan kajian bagi persoalan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesepaduan berdasarkan pencapaian dalam kalangan pasukan bola tampar lelaki di peringkat separuh akhir. Namun, pasukan yang menang mempunyai kesepaduan yang tinggi dalam kalangan pasukannya berbanding dengan pasukan yang kalah. Ini membuktikan bahawa pasukan kalah mempunyai kesepaduan yang kurang memungkinkan pasukan tersebut kalah di peringkat separuh akhir. Dapatan kajian ini hampir sama dengan kajian yang dijalankan oleh Sarafin (2015), yang mencadangkan bahawa kesepaduan dalam pasukan memberi laluan kepada kejayaan pasukan dengan lebih efektif. Kesepaduan dalam pasukan membolehkan pasukan itu menang hingga ke pencapaian maksimum jika mempunyai motif dan penetapan matlamat yang sama (JoAnne, 2014).

Menerusi hasil dapatan kajian yang diperolehi tidak terdapat perbezaan yang signifikan dari segi kesepaduan berdasarkan pencapaian dalam kalangan bola tampar wanita di peringkat separuh akhir. Dapatan ini selaras dengan kajian Stephen et al. (2000) yang menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara kesepaduan dan prestasi ahli pasukan. Beliau juga mencadangkan bahawa keberkesanan sesuatu pasukan dapat dicungkil melalui kesepaduan pasukan yang lebih efektif. Terdapat perbezaan skor min ujian t yang signifikan di antara pasukan menang dengan pasukan gagal. Ia menunjukkan pasukan menang mempunyai kesepaduan yang lebih tinggi berbanding dengan pasukan gagal. Hal ini disebabkan pasukan menang menetapkan objektif perlawanan bersama sebelum, semasa, dan selepas perlawanan (Senecal et al., 2008). Keputusan bagi persoalan ini selaras dengan keputusan Meghan et al. (2012), Tesfay et al. (2015), dan JoAnne et al. (2014), di mana pasukan yang mempunyai kesepaduan yang tinggi dapat mencapai tahap pencapaian maksimum serta berprestasi tinggi. Menurut Shahrudin (2001), kesepaduan pasukan tidak berkait rapat dengan peningkatan prestasi diri pemain dalam sesuatu pasukan. Namun, kesepaduan berperanan penting dalam mendatangkan penyertaan pasukan yang tahap kesepaduannya kukuh jika dibandingkan dengan pasukan yang kurang mantap kesepaduannya. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ghasemi et al. (2014), situasi ini wujud dalam kajiannya iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kesepaduan pasukan dengan pengenalan diri serta prestasi atlet sukan. Ini bermakna, prestasi atlet sukan tidak mempengaruhi kesepaduan dalam pasukan.

Kesimpulan dan cadangan

Corak kesepaduan pasukan bola tampar lelaki dan wanita adalah berlainan di peringkat suku akhir dan separuh akhir. Pasukan yang dapat menang di peringkat suku akhir dan separuh akhir mempunyai kesepaduan dalam pasukan paling tinggi berbanding dengan pasukan yang kalah di peringkat suku akhir dan separuh akhir. Kefahaman di kalangan ahli pasukan amat penting untuk mengukuhkan kerjasama dan kejayaan dalam kumpulan. Dapatan kajian beliau mencadangkan program latihan dapat meningkatkan nilai dimensi

kesepaduan yang tinggi. Ini bermakna pasukan yang cenderung untuk bersatu antara ahli pasukan mempunyai tahap kesepaduan yang tinggi.

Kesepaduan dalam pasukan memainkan peranan penting untuk membolehkan pasukan tersebut mencapai kemenangan dalam pertandingan. Kesepaduan dalam pasukan dapat dipertingkatkan dengan membiasakan pemain dengan peranan rakannya yang lain. Teknik ini dapat mendorong pemain menghargai dan memahami kesukaran yang dihadapi oleh rakan sepasukan yang lain serta melahirkan sifat empati dalam diri masing-masing. Melalui perbincangan serta cadangan yang dikemukakan, penyelidik berharap agar pemain, jurulatih dan pengurus pasukan dapat mengetahui tentang pentingnya kesepaduan pasukan dalam kalangan pemain sukan berpasukan. Pasukan yang mempunyai kesepaduan yang utuh, secara tidak langsung dapat mencapai kejayaan dan dapat mempamerkan persembahan yang cemerlang dalam setiap perlawanan. Menang dan kalah adalah adat, yang penting setiap pasukan harus memiliki kesepaduan yang kukuh supaya dapat memperjuangkan hasratnya ke arah pencapaian yang cemerlang.

Rujukan

- Bray, D. C. & Whaley, E. D. (2001). Team Cohesion, Effort, and Objective Individual Performance of High School Basketball Players. *The Sport Psychologist, 15*, 260-275.
- Bullard, J. B. (2014). The Structure of a Team: The Influence of Goal Setting Type on Intrinsic Motivation, Group Cohesion, and Goal Achievement Orientation of Division III Female Athletes. *Contemporary Sports, 25*, 66-76.
- Carron, A. V., Colman, M. M., & Wheeler, J. (2002). Cohesion and performance in sport: A meta analysis. *Journal of Sport & Exercise Psychology, 24(2)*, 168-189.
- Carron, A. V., Widmeyer, W. N., & Brawley, L. R. (2002). The development of an instrument to assess cohesion in sport teams: The Group Environment Questionnaire. *Journal of Sport Psychology, 7*, 244-266.
- Eys, M. A., Hardy, J., Carron, V. A., & Beauchamp, R. M. (2003). The Relationship Between Task Cohesion and Competitive State Anxiety. *Journal of Sport and Exercise Psychology, 25*, 66-76.
- Eys, M., Loughead, T., & Bray, R. S. (2009). Development of A Cohesion Questionnaire for Youth: The Youth Sport Environment Questionnaire. *Journal of Sport Exercise Psychology, 31*, 390-408.
- Fauzee, M. S. O. (2008). *Psikologi Kejayaan dalam Sukan*. Selangor Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Gardner, D. E., Shields, D. L. L., Bredemeier, B. J. L., & Bostrom, A. (1996). The Relationship Between Perceived Coaching Behaviors and Team Cohesion Among Baseball and Softbol Players. *The Sport Psychologist, 10*, 367-381.

- Ghasemi, M., Nikbakhsah, R., & Zargar, T. (2014). The Relationship Between Team Cohesion and Self Presentation on Fars Province Team Sport Athletes. *Bulletin of Environment, Pharmacology and Life Sciences*, 3(Spl issue II), 410-413.
- Haddera, A. T. (2015). Examining The Relationship Between Team Cohesion, Comparative Anxiety and Self-Confidence Among Ethiopian Basketball Teams. *Journal of Tourism, Hospitality and Sports*, 13.
- Halbrook, M., Blom, C. L., Hurley, K., Bell, J. R., & Holden, E. J. (2012). Relationships Among Motivation, Gender, and Cohesion in a Sample of Collegiate Athletes. *Journal of Sport Behavior*, 35.
- Hashim, A. (2014). *Panduan Analisis Data Secara Efisien*. Terbitan Dubook Press. Pencetakan Mutalib Uthman.
- Heuze, J. P, Raimbault, N., & Fontayne, P. (2006). Relationships Between Cohesion, Collective Efficacy and Performance in Professional Basketball Teams: An Examination of Mediating Effects. *Journal of Sports Sciences*, 24(1), 59-68.
- Kozub S. A. & McDonnell, J. F., (2000). Exploring The Relationship Between Cohesion and Collective Efficacy in Rugby Teams. *Journal of Sport Behavior*, 23-2.
- Loughead, D. J. (2010). The Relationship Among Athlete Leadership Behaviors and Cohesion in Team Sports. *The Sport Psychologist*, 24, 448-467.
- Martin, J. L. (2011). *Development of A Cohesion Inventory for Children's Sports Teams*. Graduate Program in Kinesiology. The University of Western Ontario.
- Miller, D. K. (1998). *Measurement by the Physical Educator*. Dubuque, Iowa: Wm.C. Brown, 1998; 23-3.
- Morgan, S. R. (2013). *Personal and Group Environment Factors of Water Polo Players*. The University of Tennessee, Knoxville.
- Nacar, E. & Gacar, A., (2013). The Investigation of the Relationship Between the Coach and Teammates and The Unity of Team in Volleyball. *Advances in Environmental Biology*, 7(2), 223-228.
- Peter, V. F. (2014). The Study of Group Cohesion and Aggression Between All India Inter University and National Female Hockey Players. *Research Journal of Physical Education Sciences*, 203-211.
- Ramzaninezhad, R., Keshtan, M. H., Shahamat, M. D., & Kordshooli, S. S. (2009). The Relationship Between Collective Efficacy, Group Cohesion and Team Performance in Professional. *Brazilian Journal of Biomotricity*, 3(1), 31-29.

- Sarafin, R. (2015). Mispredictions: An Examination of Affective Forecasting by Basketball Players, *California State University, Northridge*.
- Senecal, J. (2008). A Season-Long Team-Building Intervention: Examining The Effect of Team Goal Setting On Cohesion. *Journal of Sport & Exercise Psychology*, 30, 186-199.
- Sekaran, U. (1992). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*: John Wiley, New York.
- Sidek, M. N., (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori dan Praktis*: Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Shaharudin, A. A., (2011). *Mengaplikasi Teori dalam Psikologi Sukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Teymori, S., Khaki, A. A., & Nikbakhsh, R. (2014). The relationship Between Team Cohesion and Anxiety on Team Sport Student Athletes. *Bulletin of Environment, Pharmacology and Life Sciences*, 3(Spl issue II) 2014, 414-417.
- Subramanyam, V. (2013). Team Cohesion Between National Youth and Junior Volleyball Player: A comparative analysis. *International journal of sport sciences and fitness*, 3(2).
- Verma, J. P., Modak, P., Bhukar, J. P., & Kumar, S. (2012). A Discriminant Analysis of Team Cohesiveness Among High-Performance and Low-Performance Elite Indian Volleyball Players. *Studies in Physical Culture and Tourism*, 19(4), 191-195.
- Wendt, H., Euwema, C. M., & Emmerik, L. J. H. (2009). *Leadership and Team Cohesiveness Across Cultures*. Article in Press, LEAQUA-00556; 13.